

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN NO. 63**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan rasmi penerima bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) bagi tahun 2019 mengikut pecahan negeri dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan kadar bantuan tersebut

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, jumlah penerima Elaun Sara Hidup (ESH) sehingga bulan Februari 2019 adalah seramai 32,316 orang. Pecahan penerima bantuan tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <b>NEGERI</b>   | <b>BILANGAN PENERIMA</b> |
|-----------------|--------------------------|
| Johor           | 2,868                    |
| Kedah           | 2,327                    |
| Kelantan        | 1,401                    |
| Melaka          | 631                      |
| Negeri Sembilan | 290                      |
| Pahang          | 1,407                    |
| Perak           | 4,266                    |
| Perlis          | 443                      |
| Pulau Pinang    | 2,185                    |
| Sabah           | 6,139                    |
| Sarawak         | 5,143                    |
| Selangor        | 2,033                    |
| Terengganu      | 2,928                    |
| W. P. Labuan    | 255                      |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>32,316</b>            |

Berdasarkan kepada peruntukan tahun 2019 yang telah diterima, kadar ESH kepada penerima yang layak adalah sebanyak RM200 sebulan. Pihak Kementerian sedang berusaha untuk mendapat pertimbangan agar bantuan tersebut dinaikkan semula kepada kadar asal, tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.